

Persoalan Samad melalui Pak Sako: A Samad Ismail sebagai wartawan, cendekiawan awam dan negarawan¹

Ahmad Murad Merican

Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC-IIUM)

[Ucuptama pada Simposium Memperingati Tan Sri A Samad Ismail: Wartawan, Cendekiawan Awam, Negarawan, anjuran Institut Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC-IIUM), bersama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 15 January 2024.]

MUKADIMAH

Ucuptama ini, selari dengan objektif Simposium, bukan saja bertujuan mengiktiraf Tan Sri A Samad Ismail sebagai wartawan, cendekiawan awam, dan negarawan, tetapi juga untuk menyemak kembali naratif tokoh tersebut. Selama ini, ramai yang menceritakan mengenai Samad adalah daripada mereka yang mengenali beliau secara peribadi, sebagai rakan seperjuangan, rakan sekerja dan sebagai anak didik beliau. Apa yang diketahui ialah sosok Samad dari episod dan peristiwa peribadi, pengalaman mereka dengan Samad di *New Straits Times* atau *Berita Harian*. Mungkin klise yang biasa didengar. Saya melihat Samad, serta pemikiran dan wawasan yang dibawanya dari sudut sejarah dan sosiologi, dalam arus dinamisme ideologi sezaman, lalu menjurus kita memahami kewartawanan dan persuratkhabaran dalam masyarakat dan negara – khususnya masyarakat Melayu dan kepulauan Melayu, serta pertembungan, pertindihan dan interaksi kewartawanan dengan permodenan, penjajahan dan perubahan.

Institusi, budaya dan profesion kewartawanan jelas perlu didalami sebagai pencetus dan pengedar pemikiran, ideologi dan idealisme. Kesebatian institusi ini mesti dikaji semula dalam konteks masyarakat dan tamadun moden yang kita alami sekarang ini. Kewartawanan dalam sejarah awal Malaysia adalah pencetus dan saluran permodenan. Amat sedikit sekali apresiasi kita mengenai peranan kewartawanan

¹ Tajuk asal ucuptama ini ialah “Merentasi Sejarah Tiga Negara: A Samad Islam sebagai Wartawan, Cendekiawan Awam dan Negarawan

dan surat khabar dalam mencorak masyarakat Melayu moden, seterusnya mencorak pembentukan negara bangsa Malaysia (serta Indonesia dan Singapura). Malah dalam hal ini wajar diingatkan bahawa Singapura, sejak dekad 1870an hingga Perang Dunia ke-2 merupakan hab kecendekiawanan dan kewartawanan Melayu di rantau ini. Singapura telah mewarisi tradisi permodenan dan aktivisme kesusasteraan dan penulisan dari Pulau Penyengat, Riau.² Permodenan merupakan Cerita Samad menukil satu contoh yang terbaik untuk maksud tersebut.³

SAMAD SEBAGAI CENDEKIAWAN AWAM

A Samad Ismail, pada pandangan awam, adalah seorang tokoh wartawan dijalinan dengan proses dan kegiatan politik; juga sebagai seorang sasterawan. Belasungkawa Tan Sri Abdul Samad Ismail 4 September 2008, menonjolkan pelbagai penghargaan dalam media arus perdana serta blog. Ramai yang membuat rujukan sebagai 'wartawan veteran' (veteran journalist). Ada juga yang menyebut beliau sebagai 'penulis prolifik' (prolific writer), 'pejuang anti-kolonial' (anti-colonial fighter), 'aktivis politik' (political activist), 'sejarawan sosial dan pencerita' (social historian and raconteur).

Apa yang hilang, tertinggal dari senarai tersebut ialah istilah 'intelektual/cendekiawan' (intellectual). Tajuk penulisan oleh Balan Moses dalam *New Straits Times*: "Obituary – Tan Sri A Samad Ismail (1924-2008): the Thinking Man's Editor" hanya membayangi kelibat itu. Kita mudah lupa. Memori sejarah semakin lentur dan pudar. Dalam dasawarsa 1950an, Samad disebut sebagai "a young Malay intellectual." Pada masa itu Samad ditemubual oleh penulis dan pengarang Amerika,

² Lihat Virginia Matheson (1989). Pulau Penyengat: Nineteenth Century Islami Centre of Riau. *Archipel* 37, pp.153-172; dan Alijah Gordon, ed. (1999). *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research Institute.

³ Melihat permasalahan ini, saya telah mengambil inisiatif menganjurkan satu siri syarahan bertajuk *ISIAC-IIUM Journalism, Reform and Society Lectures*. Syarahan pertama pada 29 November 2023 bertajuk "A Samad Ismail (1924-2008) and Haji Muhammad Said (1905-1995): Journalists, Public Intellectuals and Nationalists" disampaikan oleh Dr. Mehmet Ozay (ISTAC-IIUM) dan saya sendiri; manakala Syarahan kedua disampaikan oleh saya bertajuk "Early Ideas on Journalism and Reform in the Malay Archipelago: Notes from Hamka's *Ayahku*," pada 28 Disember 2023. Simposium pada hari ini, kali ini dengan kerjasama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA ialah kesenimbangan dan sebahagian dari kegiatan siri syarahan tersebut.

James A. Michener. Beliau ada editor *Utusan Melayu*.⁴ Dalam temubual itu, Michener mencatat tanggapannya ke atas Samad di bawah tajuk "The New Intellectual" (1952).

Pada masa itu, istilah 'intelektual' atau gelaran 'intelektual Melayu' tidak pernah digunakan. Rakan sekerja Samad di *Utusan Melayu* kemudian mula menggunakan panggilan itu. Ini jelas dari Usman Awang, yang bersama Samad di *Utusan*. Meminjam dari Usman yang dapat kita rumuskan sebagai intelektual/cendekiawan yang berjiwa rakyat, bukan cendekiawan yang berjiwa aristokrat.⁵

Kenapa panggilan 'intellectual' (cendekiawan) tidak digunakan sebagai pengiktirafan kepada Samad adalah kerana perjalanan sejarah Malaysia, keadaan penjajahan, pengaruh Perang Dingin dan jalinan dengan elit-elit politik tertentu. Samad terlibat dalam apa yang disifatkan sebagai politik kiri, dan ini dicemari oleh dakwaan sebagai 'komunis.' Perjuangan kemerdekaan dan pembinaan negara bangsa bertentangan dengan ketokohan Samad pada masa itu. Mungkin juga sehingga kini.

Tan Sri A Samad Ismail, yang diberi anugerah Tokoh Wartawan Negara pada tahun 1988, selain dari berfungsi sebagai seorang wartawan terulung dan terbilang, juga merupakan penulis kreatif, pejuang bahasa, aktivis politik nasionalis, negarawan, dan cendekiawan awam. Beliau juga terlibat bersama pejuang-pejuang penentang penjajahan Belanda dalam pembekalan senjata dalam perjuangan kemerdekaan Indonesia tahun 1940an.

Samad ditangkap sebanyak tiga kali di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan oleh pihak penjajah British sejurus tamat Perang Dunia Kedua, salah satunya pada tahun 1951 dan kemudian oleh Kerajaan Malaysia dalam tahun 1970an, dan akhirnya dibebaskan pada tahun 1981, setelah dipenjarakan selama lima tahun.

Samad juga merupakan ahli pengasas Gerakan Angkatan Muda (Geram), People's Action Party (PAP), dan Persatuan Penulis Nasional (PENAN). Bagi mengiktiraf perjuangan Samad dalam ruang kesusasteraan dan kewartawanan, Samad dianugerahkan gelaran *Pejuang Sastera* oleh Kerajaan Malaysia. Samad menulis 11 buah novel, lebih dari 50 buah cerpen, dan beratus, mungkin ribuan komentar dan esei mengenai budaya, persuratkhabaran dan kewartawanan, seni, kesusasteraan dan politik. Namun, seperti yang disebut oleh seorang lagi Tokoh Wartawan Negara, Tan

⁴ Lihat Deborah Johnson. 2009. "The Malaysian Intellectual: A Brief Historical Overview of the Discourse," *Sari* 27, 13-26.

⁵ *Mastika* 6, 1953: 4)

Sri Johan Jaaffar, Samad adalah penulis kreatif yang amat kurang diraikan dalam negara – beliau tidak pernah memenangi Hadiah Karya Sastera yang bermula pada tahun 1971, atau penerima anugerah Sasterawan Negara. Beliau hanyalah penerima yang pertama, dan terakhir Anugerah 'Pejuang Sastera' pada bulan May 1976.

Dengan memberi Samad anugerah itu, Kerajaan nampaknya memperakui sumbangan beliau kepada kesusasteraan. Tiga minggu kemudian, beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, dan seterusnya dipaksa mengaku bahawa beliau adalah seorang Komunis.⁶ Pada masa itu saya merupakan pelajar kewartawanan di Kajian Sebaran Am, Institut Teknologi MARA. Saya masih ingat pengakuan beliau di peti kaca televisyen.

Sebagai aktivis politik, mungkin tidak banyak yang dapat diketahui mengenai penglibatan beliau dengan PAP yang diasaskan bersama dengan Lee Kuan Yew, dan beberapa tokoh lagi. Samad tidak menjawab, dan membiarkannya tidak dijawab, dua soalan yang saya tanya pada tahun 1990an – soalan pertama, mengapa beliau ditahan kali pertama dan kali ketiga; dan kedua, mengapa beliau di'pindahkan' ke Jakarta pada tahun 1957. Soalan-soalan tersebut ditanya semasa saya sedang memandu beliau ke rumahnya di Petaling Jaya dari Jalan Pahang, Setapak. Pada masa itu, kami diminta mengendalikan kursus kewartawanan untuk penerbitan sebuah suratkhbar yang sedang mula dikelolakan sebagai organ sebuah parti politik. Topik-topik yang diajar masa itu ialah penulisan dan pemberitaan, dan penulis pendapat/komentar. Juga dari tahun 1986 hingga 1990an, saya sering mengundang wartawan dan editor suratkhbar sebagai pemsyarah jemputan untuk beberapa kursus kewartawanan di ITM. Antara mereka ialah Pak Samad. Dan ketika itulah saya telah menanya beberapa soalan yang nampaknya tidak disenangi oleh beliau.

Banyak aspek kehidupan Samad tidak diketahui. Beliau adalah cendekiawan awam yang kompleks. Dalam Prakata *Memoir A Samad Ismail di Singapura* (1993), Samad menulis:

Bagaimana pula saya harus menulis mengenai diri saya? Sekiranya saya gak membesarkan peranan saya, sebagai wartawan atau sebagai pejuang politik, atau sebagai budayawan, maka barangkali ada pula yang menuduh saya takbur, angkuh dan sombong. Kalau saya kurang menceritakan hal diri saya,

⁶ Johan Jaffar (2022). The nation owes Pak Samad an Apology. 30 Oktober, *The Vibes*. Didapati dari <https://www.thevibes.com/articles/lifestyles/75667/the-nation-owes-pak-samad-an-apology-johan-jaaffar>. Dicapai pada 27 November 2023.

maka saya tidak berlaku adil pada diri saya sendiri. Selain itu, ada pula hal-hal yang terlalu pahit mengenai perjuangan saya dan beberapa teman yang barangkali tidak dapat saya ceritakan (A. Samad Ismail, 1993).

SAMAD BERCERITA DIRINYA MELALUI ISHAK HAJI MUHAMMAD (PAK SAKO)

Berkaitan dengan itu, saya ingin menarik perhatian kepada pelbagai persoalan yang ditimbulkan oleh Samad dalam 'Kata Pendahuluan'nya sepanjang 15 halaman (11-26) untuk *Memoir Pak Sako* (1997).⁷ Walaupun Samad menulis lalu memperkenalkan Pak Sako kepada Masyarakat pembaca, Samad sebenarnya menceritakan peribadinya sendiri. Psyche Samad terserlah dalam naratif tersebut. Subteksnya ialah mengenai dirinya sendiri. Disebalik Pendahuluannya itu ada satu naratif dialogik yang memaklumkan kita mengenai *weltanschauung* Samad, pengaruh dan gurunya disebalik persoalan-persoalan yang dibangkitkan.

Samad memulakan dengan memberitahu pada masa Pak Sako memimpin *Utusan Melayu* bersama Abdul Rahim Kajai, "saya hanya seorang pemberita memuja Sako sebagai wartawan dan sasterawan yang ulung di tanah air." Model Samad ialah Pak Sako dan Kajai. Samad melihat Sako sebagai wira generasi muda sebelum perang. Ketika itu, Samad telah pun juga menganggap Pak Sako seorang nasionalis.⁸

Samad memberitahu bahawa beliau mengenali Sako secara dekat melalui tulisan-tulisannya dalam *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* meminati terutama sekali pojoknya "Hantu Raya" dan cerpen-cerpennya dalam *Utusan Zaman*. Keluarga Samad merupakan penyokong kuat Kesatuan Melayu dan ikut terbabit dalam kempen menjual saham-saham Utusan Melayu sebelum penubuhannya sebagai sebuah Syarikat.

Pada Samad, penubuhan Syarikat Utusan Melayu pada tahun 1939 adalah satu detik penting dalam sejarah orang-orang Melayu Singapura. Ia merupakan satu pencapaian besar orang-orang Melayu. Samad berkata bahawa Ishak Haji Muhammad memainkan peranan penting dalam penubuhan Syarikat Utusan Melayu.

⁷ *Memoir Pak Sako: Putra Gunung Tahan*. 1997. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

⁸ Menurut Samad, Kajai dan Sako mengenali ayah beliau yang juga guru dan penulis veteran.

Mereka pernah datang ke rumah Samad. Bapa Samad ialah seorang bekas anggota Kesatuan Melayu Singapura dan menjadi sahabat beberapa pemimpin Kesatuan Melayu pada masa itu.

Samad memberitahu kita bahawa faktor yang penting yang mendorong beliau menyertai bidang kewartawanan ialah gelombang nasionalisme Melayu pada zaman itu.

Tegasnya aspirasi bangsa Melayu untuk menampilkan satu generasi wartawan-wartawan Melayu yang bebas daripada kongkongan golongan elit Erat da India Muslim. Sako dan Kajai adalah wira yang berjuang di barisan hadapan untuk memperjuangkan aspirasi ini (*Memoir*, h. 12).

Samad memperakui pengorbanan Ishak dan Kajai apabila mereka meninggalkan akhbar *Warta Malaya*, syarikat akhbar harian Melayu yang terbesar di Singapura dan Semenanjung untuk memimpin *Utusan Melayu* dengan gaji yang lebih rendah dan masa depan yang amat tidak menentu.

Samad menyentuh bahawa Ishak dalam memoirnya tidak menceritakan babak perjuangan orang-orang Melayu pada masa itu untuk menubuhkan Syarikat Utusan Melayu, peranan beliau dan Ibrahim Haji Yaakob dan teman-teman yang lain dalam usaha menubuhkan Syarikat Utusan Melayu dan khususnya peranan Utusan Melayu yang merangsang kongres atau perhimpunan besar pertubuhan-pertubuhan Melayu seluruh tanah air sebanyak tiga kali.

Pada masa itu Samad masih bersekolah. Tetapi di rumahnya pemimpin kesatuan Melayu sering mengadakan rundingan dengan bapanya mengenai rancangan untuk menubuhkan Syarikat Utusan. Sebanyak sedikit beliau mengikuti rundingan-rundingan awal untuk menubuhkan Syarikat Utusan Melayu.

Samad, dalam Pendahuluan, begitu kritis terhadap Sako.

Memoir Ishak Haji Muhammad ini sebenarnya tidak banyak menceritakan hal-hal yang penting dalam kerjaya pada masa lalu. Ishak menetap di Singapura bertahun-tahun lamanya sejak berpindah dari Semenanjung ke Singapura bekerja di *Warta Malaya*. Ishak melalui satu zaman yang penuh liku dan mendebarkan serta penuh erti di Singapura sebelum perang dahulu. Tidak banyak yang Ishak ceritakan tentang perjuangannya dalam Kesatuan Melayu Singapura sedangkan ingatan saya masih segar betapa Ishak menjadi seorang pemimpin muda Kesatuan Melayu yang aktif pada masa itu (*Memoir*, h. 14).

Seterusnya, Samad bertanya:

Mengapa Sako keluar dari *Utusan Melayu* setelah saya beberapa bulan memimpin akhbar itu sebelum Abdul Rahim Kajai? Mengapakah dia tiba-tiba dan senyap-senyap meninggalkan *Utusan Melayu*? Apakah perjuangannya dalam Kesatuan Melayu Muda setelah menghilang dari *Utusan Melayu*. (*Memoir*, h. 14).

Menurut Samad, Ishak menjadi pengarang *Warta Malaya* berikutan pembelian surat khabar itu oleh Ibrahim Yaakob dari Syed Hussein al-Sagoff, pemilik syarikat akhbar tersebut. Peristiwa Ibrahim Yaakob membeli *Warta Malaya* daripada Syed Hussein al-Sagoff mengemparkan dunia kewartawanan Melayu pada masa itu. Samad bertanya:

...dari manakah Ibrahim Yaakob mendapat wang untuk membeli Syarikat *Warta Malaya*? Pada masa itu khabar-khabar angin mengatakan Ibrahim membeli *Warta Malaya* dengan wang Jepun sebanyak 30 ribu ringgit. Kami tertanya-tanya bagaimanakah Ibrahim dapat memujuk Jepun untuk memberikan modal kepadanya membeli *Warta Malaya* (*Memoir*, h.14).

Samad, dalam Pendahuluan *Memoir Pak Sako* juga bertindak sebagai sejarawan, jika boleh saya gelar beliau sebagai sejarawan awam seperti Haji Muhammad Said, pengasas suratkhbar *Waspada* di Medan, atau Rosihan Anwar berdasarkan kepada buku empat jilid beliau, *A Petite History of Indonesia* (2004). Samad meramalkan bahaya peperangan dengan Jepun – Ia "mulai dirasakan oleh kami." Menurut Samad, Jepun pada masa itu mempunyai sebuah surat khabar harian Inggeris di Singapura yang bernama *Singapore Herald*. Kebetulan suratkhbar kepunyaan Jepun itu terbit "agak serentak dengan waktu Ibrahim membeli *Warta Malaya*."

Ini berlatarbelakangkan penubuhan Kesatuan Melayu Muda di Kuala Lumpur, dan polemik panjang *Utusan Melayu* dengan suratkhbar *Majlis* yang ketika itu dipimpin oleh M. Sallehuddin. *Majlis* menyokong penubuhan Kesatuan Melayu Muda, "sedangkan Kajai tidak senang dengan penubuhan KMM." Samad seterusnya mempersoalkan *Memoir Pak Sako*. Katanya, Sako tidak menceritakan hal-hal tersebut kepadanya yang dianggap "amat penting dalam sejarah persuratkhbaran Melayu sebelum perang." Pada masa itu "Sako sudahpun berada di puncak popularitinya" sebagai seorang wartawan dan seorang sasterawan. Menurut Samad, novel Sako, *Anak Mat Lela Gila* merupakan satu perkembangan baru dalam sastera Melayu pada masa itu. Karya Sako itu merupakan satu pembaharuan dalam penulisan novel.

Samad memperakui bahwa beliau seorang yang rapat dengan Sako sebelum Perang dan dalam masa pendudukan Jepun tetapi

dia tidak pernah menceritakan kepada saya tentang peristiwa Ibrahim Yaakob membeli *Warta Malaya* ataupun tentang latarbelakang beliau keluar dari *Utusan*. Kajai sendiri tidak menceritakan mengapa Sako berhenti dari *Utusan Melayu* secara mendadak. Demikian juga Yusuf Ishak atau Zainal Abidin Alias (Zabha). Saya begitu rapat dengan Kajai dan juga begitu rapat dengan Yusuf. Saya dengan Yusuf seperti adik beradik. Hubungan kami seperti kuku dengan isi...Yusuf tidak silu-silu meluahkan isi hatinya kepada saya. Akan tetapi Yusuf tidak pernah menceritakan kepada saya mengapa Ishak meninggalkan *Utusan Melayu* (*Memoir*, h 15).

Samad seterusnya mengisahkan semasa beliau bekerja di *Utusan Melayu* pada tahun 1941, nama Ishak jarang disebut dalam Jabatan Pengarang *Utusan Melayu*, "seolah-oleh secara tidak rasmi nama Sako menjadi pantang larang di *Utusan*. Kalau nama Sako disebut sekali pun disebut secara bisik-bisik." Namun Samad mendapat tahu.

Dari risik-risik dan bisik-bisik itu dalam Jabatan Pengarang *Utusan* pada masa itu dan juga dari pekerja-pekerja *Utusan Melayu* bahawa Sako sebenarnya disingkirkan secara halus dan digeser dari jawatannya. Tetapi cerita sebenarnya tiada ada siapa yang tahu melainkan Sako sendiri...saya tidak pernah bertanya dia tentang peristiwa itu. (*Memoir*, h. 15).

Dalam Pendahulunya itu, Samad banyak bercerita mengenai sejarah surat khabar *Utusan Melayu*. Itulah permulaan sejarah persuratkhabaran dan kewartawanan Melayu. Dalam persejarahan yang ada, nama KMM tidak wujud atau dikaitkan dengan surat khabar Melayu itu. Samad menimbulkan persoalan mengenai penahanan Yusof Ishak dan pendirian *Utusan Melayu* terhadap Jepun.

Dalam pada itu pula, Samad memerhatikan perhubungan Yusof dengan Sako "agak kekok dan tidak begitu mesra sedangkan hubungan Ishak dengan Rahim Kajai agak mesra." Menurut Samad, Ishak menghormati Kajai sebagai seorang tua dan sebagai seorang wartawan yang menjadi gurunya.

Saya pula rapat dengan kedua-dua Yusof dan Sako, Mengapa demikian hubungan mereka saya tidak tahu dan saya pula tidak bertanya kepada Yusof atau kepada Ishak mengapa mereka tidak begitu mesra. Adakah kerana

hubungan mereka telah retak dari sejak Ishak bekerja di *Utusan Melayu* dahulu? (*Memoir*, h. 16).

Selain dari pergeseran Yusof dengan Sako, Samad juga perhatikan Yusof juga tidak mesra dengan Ibrahim Yaakob, "malah tidak ghairah dengan KMM dan anak-anak buah Ibrahim di *Berita Malai*." Samad menegur Sako kerana tidak menceritakan latarbelakang *Berita Malai* dalam memoirnya "sedangkan saya tahu penubuhan *Berita Malai* itu selain hasil dari inisiatif Jepun juga merupakan satu inisiatif Ibrahim Yaakob." Samad mendalami wawasan Sako pada masa itu.

Dia masih mempercayai bahawa Jepun akan berusaha memberikan kemerdekaan kepada orang-orang Melayu. Sako memperjuangkan agar di Tanah Melayu dan di Singapura, Jepun akan menubuhkan Dewan-dewan Rakyat seperti di Jawa di mana wakil-wakil orang Melayu, orang Cina dan orang India dapat ikut serta dalam mencorakkan pentadbiran Tanah Melayu dan Singapura. Dia hampa sekali apabila Jepun tidak menjalankan dasar pro-Melayu melainkan hanya melantik pemimpin -pemimpin dari kalangan orang-orang yang tidak berpengaruh untuk menjadi ketua kaum masing -masing. Dia juga hampa sekali apabila Jepun membubarkan KMM. Sako mulai tawar hati dengan Jepun (*Memoir*, h. 17).

Menurut Samad, Sako berselisih faham dengan Ibrahim Yaakob lalu merajuk dan memimpin satu rombongan petani-petani Singapura untuk membuka tanah ladang di Pulau Bintan membawa isterinya ke sana lalu jatuh sakit dan merana. Samad terpaksa menghantar rombongan untuk membawa Sako pula ke Singapura dalam keadaan sakit. Samad berkata Sako tidak menceritakan hal tersebut dalam memoirnya.

Samad juga memberitahu beliau (Samad) ditahan oleh Inggeris sebaik Inggeris menawan semula Singapura. Sako tidak menceritakannya, serta pengalamannya di *Berita Malai*, juga tentang pengalamannya di *Warta Malaya* dan di *Utusan Melayu* "apalagi pengalamannya di Pulau Bintan sedangkan babak-babak hidupnya itu menarik."

Samad bertanya apakah Sako merajuk dengan Ibrahim Yaakob maka dia membawa diri ke Pulau Bintan?. "Bagaimana pula perhubungan dengan Ibrahim sepanjang masa tiga tahun setengah pendudukan Jepun itu." (*Memoir*, h. 18).

Samad amat tertarik dengan tulisan-tulisan Sako di *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman*, serta di *Utusan Malaysia*. Antaranya ialah "Di Simpang-simpang Jalan" dengan

memakai nama pena 'Pak Pandir Moden' dan ruangan "Ini, Itu dan lain-lain" dengan memakai nama pena 'Hantu Raya.' Tulisan-tulisan tersebut membayangkan "Sako sebagai seorang tradisional." "

Sako menolak modenisme kerana modenisme menghakis nilai-nilai hidup tradisional orang-orang Melayu. Dia lebih gemar berpantun, bersyair, berseloka dan bergurindam daripada bersajak kerana pada Sako pantun adalah satu warisan yang paling dekat kepada jiwa orang-orang kampung (*Memoir*, h.18).

Pada Samad, Sako bukanlah seorang yang membenci orang-orang Inggeris sebagai manusia.

Kebenciannya olehnya terhadap sistem kolonialisme Inggeris bukan kepada individu-individu. Setengah-setengah yang dikenalnya memuji Sako. Apakah kefahamannya yang mendorongnya memasuki gerakan kebangsaan mulanya menjadi pemimpin Kesatuan Melayu Singapura, kemudian menganggotai Kesatuan Melayu Muda bersama Ibrahim Yaakob? Selepas perang dia ikut menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu kemudian menjadi pemimpin Parti Buruh dan menjadi pemimpin Barisan Sosialis. Dia bertanding sebagai calon Parti Buruh dan Barisan Sosialis. Tetapi apakah dia sebenarnya seorang sosialis yang komited kepada ideologi sosialis? (*Memoir*, h. 20)

Samad menyifatkan Sako sebagai "tidak pandai *berintrigue*, dia tidak pandai memperalatkan orang." Sako juga seorang yang tidak pandai "menjadi dalang atau manipulator." Sako katanya, "terlalu lurus, jujur dan pengasih." *Memoir* Sako menceritakan kehidupannya sebagai seorang tahan darurat.

Tidak banyak cerita tentang sejarah awal KMM bagaimana ia ditubuhkan, apakah sebenarnya tujuan perjuangan KMM ketika ditubuhkan, mengapa Sako bekerja di *Warta Malaya* bersama Ibrahim Yaakob setelah akhbar itu dibeli dari Syed Hussein al-Sagof? Adakah sebagai persiapan menghadapi perang Jepun-British di Malaya?...Adakah benar modal itu diberi oleh Jepun?

Penduluan Samad itu juga mendedahkan beberapa peristiwa mungkin tidak diketahui awam yang mana pada tahun 1945, ketika Jepun hampir menyerah diri, sama ada menjadi wakil KRIS cabang Singapura yang menghadiri kongresnya di Kuala Lumpur. Katanya, "Kongres itu tidak dapat diteruskan kerana Jepun telah menyerah

diri." Sako juga hadir. Di Kuala Lumpur, Samad menemui Sako bersama Dato' Onn bin Jaafar dan Dr. Burhanuddin (Helmi). Akan tetapi katanya, cerita Kongres itu

hingga hari ini masih samar-samar sedangkan menurut rencana asal Ibrahim Yaakob, kongres itu dikatakan akan memproklamir kemerdekaan daripada Inggeris. Sebelum kongres itu berlangsung Ibrahim Yaakob pulang ke Singapura dan dari Singapura Ibrahim dibawa oleh Jepun ke Indonesia bersama isterinya serta Onan Haji Siraj dan Hassan Manan. Ini adalah satu peristiwa penting dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu pada hemat saya (*Memoir*, h. 21)

Sako tidak menceritakan peristiwa itu dalam *Memoir*nya. Samad menarik perhatian kita akan "apakah peranan Sako dalam perancangan kongres itu." Samad juga mengatakan bahawa Sako tidak menceritakan latar perannya memimpin Parti Kebangsaan Melayu atau perannya dalam Parti Buruh dan Socialist Front. Sako juga tidak memceritakan mengapa beliau ditahan oleh pemerintah dalam masa konfrontasi di Indonesia? Apakah benar Sako terbabit dalam konspirasi itu? Menurut Samad, Sako tidak cuba menyangkal Kertas Putih yang diterbitkan oleh kerajaan mengenai peristiwa tersebut.

Dalam 'Pendahuluan'nya kepada *Memoir* Sako, Samad seolah-olah bertujuan mentafsir semula sejarah. Samad merupakan pejuang anti-penjajahan, disebutnya sebagai "semangat antikolonialisme." Samad mengaku bahawa beliau dan rakan-rakan berpegang kepada cita-cita Melayu Raya atau Indonesia Raya tetapi

tekanan kami waktu itu ialah memperjuangkan kemerdekaan Malaya dan Singapura. Sako tidak menyentuh aspek ini dari perjuangan golongan kiri Melayu sedangkan beliau merupakan seorang tokoh penting yang pada mulanya mendasarkan perjuangan menggabungkan Malaya dan Singapura dalam Indonesia Raya (*Memoir*, 22).

Samad berkata *Memoir* Sako tidak menceritakan perhubungannya (Sako) dengan Dato' Onn, Dr. Burhanuddin dan dengan pemimpin-pemimpin lain. Sako juga tidak menceritakan hubungannya dengan Kajai, dan dengan wartawan lain, dengan Syed Hussein al-Sagof, Haji Dahland Mas'ud dan Ibrahim Mahmud. Mereka telah bekerja dengan Sako di Singapura.

Samad juga menimbulkan persoalan siapakah guru Ishak haji Muhammad dalam politik. Adakah gurunya Ibrahim Yaakob? Tanya Samad.

Saya tidak dapat menjawab soalan itu, Setahu saya Sako bukanlah seorang yang mendalami teori politik atau falsafah seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi. Tetapi Sako kuat membaca dan pembacaannya luas, fikirannya terbuka dan tidak terkongkong oleh satu-satu aliran faham, ideologi ataupun falsafah. Jiwa kemelayuannya kuat dan idealismenya bertunjang kepada tradisi dan nilai hidup kampung (*Memoir*, h. 23).

Kata Samad, Pak Sako sering mengejeknya kerana tidak mengenali Masyarakat Melayu "kerana saya kelahiran kota Singapura. Saya tidak mengenali dari dekat kehidupan rakyat yang mati-matian nasibnya-cuba saya perjuangkan." Dari pandangan Sako, menurut Samad, "kejawaan saya masih kuat." Sako melihat Samad lebih meminati dan "memuja pemimpin-pemimpin seperti Sukarno, Tan Malaka, Sutan Shahrir seta pujangga-pujangga baru Indonesia daripada mendalami Syair Siti Zubaidah.

Dari penulisan Pendahuluan itu, kita dapati Samad mendalami soal-soal politik tanah air (digunakan perkataan ini beberapa kali), "mengenai masa depan bangsa Melayu dan rumpun Melayu." Bersama dengan Sako, beliau membincangkan pemberontakan orang-orang Aceh menentang Belanda, perjuangan Imam Bonjol dan Deponegoro, perjuangan rakyat Filipina menentang penjajah Sepanyol dan Amerika, mengkaji sasatera dan warisan budaya bangsa Asia, termasuk "mengenali pahlawan bangsa Filipina iaitu Jose Rizal." Perbincangan-perbincangan ini diketuai oleh Sako dan Ibrahim Yaakob. Peperangan dan pendudukan Jepun mengajar Sako dan Samad erti perjuangan, penindasan penjajahan dan imperialisme Barat. Samad dan Sako juga didedahkan dengan Revolusi Peranchis dan Rusia – mengambil iktibar daripada belunggu Barat dan kaum feodal.

Pendahuluan Samad juga memaklumkan kita bahawa beliau juga pelajar sejarah, terutama sekali sejarah penjajahan, sehingga "mencetuskan keinginan kami untuk mendalami lagi ilmu politik dan mengajar kami melihat Inggeris dari kaca mata yang baru."

Samad melihat Sako sebagai seorang yang rendah diri.

Dia tidak pernah menulis tentang dirinya. Umpamanya bagaimana dia berkarya menghasilkan novel *Anak Mat Lela Gila* atau pun *Putera Gunung Tahan* atau pun mengajar saya agar mencontohi gaya bahasanya atau pun

bagaimana dia menulis pojok 'Hantu Raya' nya yang menonjolkan namanya sebelum perang dahulu (*Memoir*, h. 25).

MENGAKHIRI UCAPAN DAN CADANGAN

A Samad Ismail wajar dikaji dan dikaji semula. Tiada tesis yang ditulis mengenai beliau kecuali berkenaan dengan penglibatan beliau sebagai penulis kreatif dan sasterawan. Penelitian Samad dalam kegiatan kewartawanan, kefahamannya mengenai kewartawanan dan persuratkhabaran sebagai alat (mungkin juga sebagai teori yang diperalatkan), serta pendiriannya terhadap penjajahan wajar dilakukan.

Selain daripada bersifat anti-penjajah, Samad juga menjalin hubungan rapat dengan Ibrahim Yaacob dan Kesatuan Melayu Muda, dan ramai dari Indonesia yang dikenalnya semasa Perang Jepun. Beliau mengaitkan dirinya dengan revolusi di Indonesia 1946 dan 1949. Ibrahim Yaacob pada masa itu ialah ahli kerajaan revolusioner. Di Singapura, Samad menguruskan penghantaran barang-barang seperti getah, arang dan ikan, dengan mengelak sekatan-sekatan Belanda. Beliau juga mengendalikan perdagangan barter, dengan ditukarkan barang-barang seperti sarung kaki, boots, mesin taip dengan senjata.

Samad juga menentukan dana dan perjalanan untuk wakil-wakil Kerajaan revolusioner Indonesia ke Amerika Syarikat, untuk menghadiri mesyuarat Bangsa-bangsa Bersatu. Beliau mempromosikan perjuangan kemerdekaan Indonesia kepada parti-parti politik di Malaysia dan Singapura, termasuk kepada UMNO dan Dato' Onn Jaafar. Samad pada masa itu juga merupakan pewarta sambilan untuk agensi berita Indonesia Antara, yang ditempatkan dalam pejabat *Utusan Melayu*.

Melalui kegiatan sebegini, Samad mula mengenai beberapa pemimpin Indonesia seperti Adam Malik, Sutan Sjahrir, dan Haji Agus Salim. Sumbangan Samad kepada perjuangan kemerdekaan Indonesia begitu dirasai di sana sehinggakan nama Samad disebut oleh Presiden Sukarno di ruang awam dalam ucapan beliau di Singapura, pada lewat tahun 1940an. Samad, bersama dengan Duta Indonesia ke Malaysia dalam tahun 1980an adalah penyeludup senjata (gunrunners) – dari Singapura ke Indonesia.

Setelah Indonesia mencapai kemerdekaan, dengan kegagalan projek puak kiri di Malaysia, kita lihat seorang Samad yang lebih berhati-hati dan mendekati proses menyahjajah Malaysia dengan cara yang lebih konservatif. Samad terdedah kepada segala kemungkinan jalan yang tidak rata dan berbelit-belit dalam kehidupannya yang mendatang. Salah satunya ialah gejala Perang Dingin.

Peralihan angin politik abad 1950an telah memaksa Samad menggunakan sastera dan seni sebagai senjata menentang penjajahan. Beliau menggunakan sastera untuk menaikkan kesedaran kebangsaan. Di *Utusan Melayu*, beliau menarik dan mengumpul antara penulis yang terbaik dalam menubuhkan kumpulan Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50).

CADANGAN

Bagi mengenang jasa Tan Sri A Samad Ismail kepada negara dan rantau ini, saya cadangkan seperti berikut:

1. Jika belum dilaksanakan/dirancangkan, menamakan bangunan New Straits Times, Jalan Riong sebagai Balai A Samad Ismail.
2. Menamakan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media di UiTM sebagai Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media A Samad Ismail
3. Mewujudkan Kursi Pengajian Kewartawanan A Samad Ismail
4. Mengabadikan nama A Samad Ismail sebagai nama jalan di Kuala Lumpur, dan di bandar-bandar besar di Malaysia.
5. Mewujudkan satu pusat memorial, galeri dan perpustakaan A Samad Ismail di satu tempat yang sesuai.

RUJUKAN

A Samad Ismai (1993). *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gordon, Alijah, ed. (1999). *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research Institute.

Ishak Haji Muhammad (1997). *Memoir Pak Sako: Putra Gunung Tahan*. 1997. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Johan Jaffar (2022). The nation owes Pak Samad an Apology. 30 Oktober, *The Vibes*. Didapati dari <https://www.thevibes.com/articles/lifestyles/75667/the-nation-owes-pak-samad-an-apology-johan-Jaaffar>. Dicapai pada 27 November 2023.

Johnson, Deborah (2009). "The Malaysian Intellectual: A Brief Historical Overview of the Discourse," *Sari* 27, 13-26.

Persoalan Samad melalui Pak Sako:

A Samad Ismail sebagai Wartawan, Cendekiawan Awam dan Negarawan

Matheson, Virginia (1989). Pulau Penyengat: Nineteenth Century Islami Centre of Riau. *Archipel* 37, pp.153-172.

Nuraini Samad (2022). *Tuesdays with Bapak*. Kuala Lumpur: Bru Publications.